

Selamat Hari Raya Aidil Adha

Amalan Haji dari Segi Falsafah

Ibadah Haji sebagaimana yang kita sedia mengetahuinya, ialah salah satu rukun dari rukun-rukun Islam yang lima, dan suatu syiar agama yang berkehendakkan pengorbanan harta benda dan jiwa untuk menunaikannya. Bahkan ia suatu ibadah yang wajib dilakukan oleh orang yang berkuasa mengerjakannya untuk menyempurnakan agamanya. Besarnya dan pentingnya ibadah haji ini di dalam Islam telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayhi wa 'ālihi wa sallam* dalam sebuah hadisnya, ujarinya:

Man māta wa lam yahujju falyamut in shā'a yahūdiyyan wa in shā'a naṣrāniyyā.

Ertinya: “Barangsiapa mati sedang ia tidak mengerjakan haji (setelah cukup syarat-syaratnya) maka biarlah ia mati jika suka secara Yahudi dan jika suka secara Nasrani”.

Ibadah Haji dan Hikmahnya

(oleh: Doktor Muhammad Yusuf Musa, Mesir)

Dalam makalah ini, penulis hanya hendak menerangkan amalan haji dengan sifatnya sebagai suatu amalan yang berdasarkan pergaulan, yang disuruh dan dituntut oleh fahaman yang berdasarkan falsafah, kalau pun tidak disuruh dan dituntut oleh agama.

Manusia adalah tersusun daripada dua anasir: Anasir (unsur) bumi iaitu jasad, dan anasir langit iaitu roh. Semenjak dahulu lagi telah berlaku pertentangan hebat di antara keduanya, sebagaimana yang biasa berlaku di antara dua benda yang salah satunya menjadi lawan dan musuh bagi yang satu lagi. Umat manusia

pula dalam kecenderungannya kepada salah satu anasir yang tersebut, kedatangan ada yang tidak kesampaian dan ada pula yang melampaui batas, kecuali orang yang bijaksana yang dapat mengenal bagi tiap-tiap satu perkara itu hak-haknya yang tertentu dan selayaknya. Terceburnya umat manusia dalam keadaan yang menyedihkan, sebagaimana yang kita saksikan hari ini, ialah kerana mereka telah terdorong ke arah kebendaan semata-mata dan tenggelam pula di dalamnya.

Oleh itu, sudah semestinya ada sesuatu amalan yang dapat menarik perhatian kita dari alam kehidupan ini, dan dapat memalingkan kita dari perhiasan dunia

dan kemewahannya, serta menimbulkan rasa kesedaran terhadap wajibnya mengamalkan dasar persamaan, sehingga orang yang hartawan dari kalangan kita, terasa bahawa dia seorang saudara bagi orang-orang lain dalam masyarakatnya dari sekalian hamba Allah. Janganlah ia membezakan diri dengan mereka, dengan pakaiannya dan cara hidupnya serta segala hal ehwalnya.

Amalan yang tersebut ialah amalan haji. Amalan haji ini, menurut al-Imām al-Ghazālī, ialah suatu amalan di dalam syariat Islam yang mengandungi sifat-sifat zuhud. Iaitu mengandungi latihan menahan nafsu syahwat, menjauhi kemewahan hidup, meningkat tinggi dengan

kekuatan jiwa, serta mengadap bulat-bulat kepada Allah ‘azza wa jalla.

Selain daripada itu, di dalam amalan haji, ialah berziarah ke Bayt Allāh, rumah suci yang telah diberi kehormatan oleh Allah dengan gelaran “Rumah Allah”. Di dalam amalan haji sejumlah besar dari umat Islam akan berhimpun di tempat yang satu, untuk tujuan yang satu. Tiap-tiap satu dari keduanya ada pula mempunyai rahsia dan kesan yang mendalam dalam kehidupan umat Islam, baik sebagai orang-orang perseorangan mahu pun sebagai kumpulan beramai-ramai.

Islam ialah agama persatuan, dan satu daripada ajarannya ialah menggalakkan pemeluknya supaya berunding dan bermuafakat sesama sendiri dengan baik. Dengan



Gambar kenang-kenangan ketua-ketua pelajar Madrasah al-Sultān Zaīnal ‘Ābidīn, Menengah, Kuala Terengganu, bagi tahun 1961-1960

Duduk nombor 5 dari kanan ialah saudara Khalid Muhammad Zain Ketua Umum, di sebelah kanannya: Saudara Abdullah Ibrahim – penolongnya, dan di sebelah kirinya: saudara Jamaluddin – Ketua Sukan. Manakala nombor 2 dari kanan ialah saudara Hasan Ketua Maktabah – kutub khānah dan juga (Ikhwan 871).

tujuan inilah Islam telah mewujudkan beberapa persidangan. Setengahnya persidangan hari-hari, iaitu sembahyang lima waktu dengan berjemaah. Setengahnya mingguan, lebih besar dari yang terdahulu, iaitu sembahyang Jumaat. Setengahnya pula tahunan, dengan cara yang lebih luas lagi, iaitu sembahyang dua Hari Raya – Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha dan yang akhir sekali ialah Persidangan Agung yang diadakan dalam masa menunaikan ibadah haji, yang mesti dihadiri oleh tiap-tiap orang muslim yang mampu, sekurang-kurangnya sekali seumur hidupnya.

Ada setengah orang tidak faham akan sesuatu

hakikat melainkan jika hakikat itu digambarkan dengan nyatanya dalam alam kenyataan, atau pun dengan isyarat yang jelas kelihatan rupanya. Dengan sebab itu maka kenalah pada tempatnya apabila kita dapati di antara amalan dan syiar ibadah haji itu ialah mengerjakan tawaf – mengelilingi Bayt Allāh, dan mengkucup akan Hajar al-Aswad, sebagai isyarat akan bagaimana wajibnya umat Islam bersatu pada arah dan tujuan, dan bersatu pula dalam menghadap dengan sebulat-bulatnya kepada *Allāh ‘azza wa jalla*.

Rumah suci yang diperintahkan oleh Allah supaya

kita tawaf mengelilinginya ialah “Bayt Allāh” atau “rumah



Gambar kenangan anggota-anggota Ikhwan di Perak. Duduk dari kanan, saudara-saudara: Ramli Haji Muhammad (Ikhwan: 663), Muhammad Nur Awang, Irshad Zakaria, Irshad Khadari. Berdiri dari kiri, saudara-saudara: Borhan Haji Sa’dani (bakal Ikhwan), Basri Haji Bakri, Siddiq, Nuruddin, Ibrahim dan Arifin.

Allah” yang menjadi tempat tumpuan manusia dan tempat mencari perlindungan dan keamanan. Bertawaf mengelilinginya itu adalah menyerupai perbuatan malaikat yang mengerumuni Arasy, dan bertawaf mengelilinginya dengan khusyuk, serta tidak putus-putus pula mengucap tasbih. Dalam bertawaf juga, jiwa seseorang itu meningkat ke alam yang tinggi. Kesempatan yang kita dapati untuk masuk ke dalam “*Bayt Allāh*” atau berada di sisinya, adalah menjadi pendahuluan yang baik untuk berpeluang melihat Allah ‘*azza wa jalla* (di dalam mimpi) apabila jiwa kita hening suci, dan layak mendapat kebahagiaan yang tidak bertolak banding itu. Dalam mengkucup *al-Hajr al-Aswad* yang dilakukan oleh orang-orang Islam, adalah menjadi ibarat ikatan janji setia dengan *Allāh ‘azza wa jalla* atas tiap-tiap perkara yang benar, yang elok, yang berkebaikan lagi mulia.

Tidakkah *al-Hajr al-Aswad* – batu suci, sebagaimana yang tersebut di dalam hadis disifatkan ibarat:

“*Yamīnu Allāhi yuṣāfahu bihi khalqihī?*”

“Tangan kanan Allah, untuk menjabat dengan makhluk-Nya?”

Sebenarnya mengkucup batu (*Hajar al-Aswad*) yang tersebut memang itulah maksud yang diisyaratkannya – adalah menjadi penggalak yang kuat supaya seseorang Haji itu menyempurnakan janjinya yang telah diikatnya dengan Allah ‘*azza wa jalla*, dengan menjauhkan diri dari segala kejahatan, dan mencintai perkara-perkara baik lagi mulia, serta bersungguh-sungguh pula mengerjakan amal kebajikan.

Selain daripada itu, ibadah haji ini mengandungi tanda-tanda yang besar tentang kepercayaan yang bulat kepada Allah ‘*azza wa jalla* dan pembawa bantuan dan pertolongannya. Kita

dapati perempuan yang sedia lemah kerana tabiat semula jadinya, dan lelaki yang lemah kerana penyakitnya atau umurnya yang telah tua, sebaik-baik¹ sahaja berazam hendak menunaikan fardu haji itu, maka dengan serta merta akan terasa dirinya kuat dan bantuan-bantuan datang mencurah dari orang lain, dan perkara yang pada mulanya dipandang sukar, dapat dikerjakan dengan mudahnya. Sebabnya berlaku demikian, kerana dia tidak lagi terpedaya kepada kebolehan dirinya semata-mata, bahkan serentak dengan itu ia telah berserah bulat kepada Allah ‘*azza wa jalla*, dan dengan itu, dapatlah ia mencapai apa yang dihajatnya.

Bersambung

Di Meja Pengarang

“*Kembang Setaman*” demikian nama sebuah buku baharu “*Kumpulan Cerita-cerita Pendek Wanita*” yang telah dikumpul dan diusahakan oleh saudara Jimmy Asmara.

Buku ini ada satu keistimewaannya, iaitu 12 buah cerita pendek yang disajikan di dalamnya ialah dari buah pena 12 orang penulis-penulis wanita, dan penerbitnya seorang wanita juga.

Buku “*Kembang Setaman*” ini, yang menggambarkan masyarakat menurut kaca mata wanita dengan gaya yang menarik, adalah menjadi alamat yang baik bahawa pengarang-pengarang kita dari jenis yang lemah lembut itu akan mengambil tempat yang selayaknya dalam taman kesusasteraan Melayu.

Diterbitkan oleh saudari Aishah Ngah, atas nama “*Usaha Teratai*”, 2 F, Jalan Kuchai, Singapura, 14. Tebalnya 104 muka dan harganya \$1.00 senaskhah, tambah belanja mengirimmnya 10 sen.

Atas hadiahnya yang berharga ini diucapkan berbilang-banyak terima kasih.

¹ kesilapan ejaan dalam teks asal, dalam teks asal ditulis “seaik-aik”